

**2012 Bermakna Kepada Johor Akan Dilimpahi Pembangunan, Kata Ghani Bernama  
23 Januari, 2012**

JOHOR BAHRU, 23 Jan (Bernama) -- Tahun 2012 bermakna kepada Johor kerana negeri ini akan dilimpahi pembangunan dan kemajuan hasil pelaburan asing terdahulu khususnya di Iskandar Malaysia, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Beliau berkata kebanyakan projek pada 2007 dan 2008 akan siap dan mula beroperasi tahun ini termasuk Taman Tema Legoland di Nusajaya.

"Tahun ini amat bermakna bagi Johor kerana hasil pembangunan pesat berjaya membawa masuk pelaburan asing sekaligus mencatat pertumbuhan ekonomi yang baik kepada negeri ini dan negara," katanya semasa berucap pada majlis ramah mesra Tahun Baru Cina di Wisma Tiong Hua, di sini hari ini.

Ghani berkata beberapa projek pembangunan dijangka siap tahun ini termasuk universiti antarabangsa dan hotel di sekitar wilayah Iskandar Malaysia.

Katanya, projek pembangunan semula bandar raya Johor Baharu terutama di kawasan JB Sentral akan mula dilaksanakan tahun ini.

"Ia akan menjadikan Johor Baharu bandar raya yang berfungsi sebagai pusat perdagangan dan perkhidmatan selain menyemarakkan lagi pertumbuhan kawasan tersebut.

"Kerja-kerja pemulihan Sungai Segget akan juga dijalankan tidak lama lagi sebelum sungai itu dibuka semula kepada orang ramai," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641812>